

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS MOTIVASI BERSAMA  
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN**

**TEMPAT:  
MAHKOTA HOTEL  
MELAKA**

**TARIKH :  
22 MEI 2007**

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA MAJLIS  
MOTIVASI BERSAMA PUSAT BAHASA DAN  
PEMBANGUNAN INSAN BERTEMPAT DI MAHKOTA  
HOTEL MELAKA PADA 22 MEI 2007 JAM 8.30  
MALAM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN  
ANTARABANGSA) UTeM

Y.BHG. DATO' PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MAT DIAH

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN  
INOVASI) UTeM

Y.BHG. PROF. MADYA DR. HANIPAH BINTI HUSSIN  
DEKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Y.BHG DR. IZ Aidin Abdul Majid

TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK & PENYELIDIKAN)  
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

SETERUSNYA KETUA-KETUA JABATAN,  
PENSYARAH-PENSYARAH DAN SELURUH WARGA  
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN YANG  
SAYA HORMATI.

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH  
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA MAKA  
DI BERI KESEMPATAN KEPADA KITA UNTUK  
BERKUMPUL PADA MAJLIS MOTIVASI UNTUK  
WARGA PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN  
INSAN.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA DEKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (PBPI) IAITU PROF. MADYA DR. HANIPAH BINTI HUSSIN KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA PADA MAJLIS INI.

WARGA PBPI YANG DIHORMATI

TUJUAN MAJLIS INI DIADAKAN IALAH UNTUK MENERAT DAN MENGUKUHKAN SILATURAHIM DAN BERKONGSI PENGETAHUAN AGAR KITA SAMA-SAMA DIBERI SEMANGAT YANG CEKAL UNTUK MENINGKATKAN KECEMERLANGAN UNIVERSITI INI.

PBPI DITUBUHKAN PADA //. TUJUAN PENUBUHAN PBPI IALAH ..... OLEH YANG DEMIKIAN SAYA BERHARAP STAF PBPI SERAMAI // IAITU TERDIRI DARIPADA // PENSYARAH DAN // STAF

PENTADBIRAN DAPAT MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK BAGI MENCAPAI MATLAMAT PENUBUHANNYA.

PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIATUR OLEH PBPI SEPERTI HARI MERCU, PROGRAM KETRAMPILAN GRADUAN, ....., ....., DAN SEBAGAINYA ADALAH SANGAT BAIK DAN PERLU DITERUSKAN SUPAYA KITA BAGI MELAHIRKAN GRADUAN YANG KOMPETEN DAPAT DICAPAI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

PIHAK UNIVERSITI TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA STAF UNTUK MEMPERTINGKATKAN TAHAP PROFESIONALISME MEREKA DENGAN MENYEDIAKAN PELBAGAI PELUANG LATIHAN, PROGRAM MOTIVASI YANG BERTERUSAN DAN PELUANG MELANJUTKAN

PELAJARAAN. SEHINGGA INI JUMLAH STAF PBPI YANG TELAH MELANJUTKAN PELAJARAN IALAH SERAMAI // IAITU // PADA PERINGKAT SARJANA DAN // PADA PERINGKAT DOKTOR FALSFAH.

MALAH MAJLIS MOTIVASI YANG DIADAKAN INI ADALAH ANTARA PROGRAM SECARA TIDAK LANGSUNG YANG DAPAT MENINGKATKAN MOTIVASI KITA DALAM SETELAH PENAT BEKERJA.

PROGRAM MOTIVASI UNTUK STAF ADALAH PERLU SENTIASA DIPUPUK BAGI MEMASTIKAN SETIAP STAF SENTIASA BERSEEDIA UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA SESEBUAH INSTITUSI. DI SINI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DEKAN PBPI (PROF. MADYA DR. HJH. HANIPAH HUSSIN) KERANA TELAH MENGAMBIL DAYA USAHA YANG PROAKTIF DALAM MEMBERIKAN LATIHAN BERTERUSAN DAN JUGA MEMBERI PELBAGAI MOTIVASI DEMI

MEMASTIKAN PERKHIDMATAN PBPI SENTIASA CEMERLANG DAN BERTERUSAN.

NAMUN, PEMUPUKAN MOTIVASI UNTUK STAF BUKAN SAHAJA BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA DATANG DAN BALIK KE TEMPAT KERJA, TETAPI IANYA MENCAKUPI ASPEK-ASPEK YANG LEBIH LUAS SEPERTI HUBUNGAN YANG HARMONI ANTARA KETUA DENGAN STAF BAWAHAN, KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA, KEBAJIKAN STAF DAN KEPERCAYAAN MEREKA SENDIRI KEPADA KONSEP KECEMERLANGAN ITU SENDIRI DAN JUGA MENANAMKAN SEMANGAT KESETIAAN STAF KEPADA INSTITUSI INI. SEMUANYA INI AKAN MEMBENTUK BUDAYA KERJAYA YANG SIHAT KE ARAH SATU TAHAP YANG LEBIH BAIK DARIPADA ASPEK KEWAJIPAN, DISIPLIN, PRODUKTIVITI DAN PERASAAN TANGGUNGJAWAB. BUDAYA KORPORAT JUGA TURUT DAPAT DITERAPKAN

DALAM INSTITUSI ITU SENDIRI UNTUK MENUJU KE ARAH KECEMERLANGAN YANG LEBIH LUAS.

PROGRAM INI JUGA PERLU UNTUK MENINGATKAN SEMUA STAF PBPI BAHAWA ISU-ISU PEMBANGUNAN ANTARA DAHULU DENGAN MASA HADAPAN ADALAH BERBEZA KERANA SEKARANG INI IA BERGANTUNG KEPADA PERUBAHAN PENGELUARAN YANG BERASASKAN KEMAHIRAN YANG BERINTENSIFKAN MODAL DAN PENGETAHUAN SERTA PERUBAHAN KEPADA TEKNOLOGI, KEMAHIRAN DAN PERSEKITARAN YANG LEBIH MENGUNTUNGAN PEKERJA. DEMI MENGHADAPI CABARAN-CABARAN DI ALAF BARU MAKA GUNATENAGA INI PERLU MEMPUNYAI KEMAHIRAN PELBAGAI. MEREKA JUGA PERLU INOVATIF DAN KREATIF, "VERSATILE" ATAU MUDAH MENYESUAIKAN DIRI, BERMOTIVASI TINGGI DAN MEMPUNYAI KEMAHIRAN KOMUNIKASI SERTA KEMAHIRAN MENGANALISA SEGALA PERUBAHAN

MENGENAI PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI YANG PESAT. PERUBAHAN YANG NYATA SEKARANG INI IALAH PEMBANGUNAN EKONOMI KITA MULA BERTUKAR DARIPADA PEMBANGUNAN BERINTENSIFKAN BURUH KEPADA BERINTENSIFKAN PENGETAHUAN YANG BERASASKAN SAINS DAN TEKNOLOGI. INI AMAT BERSEBUAIAN DAN BERTEPATAN DENGAN APA YANG DI BAWA OLEH UNIVERSITI KITA.

BERASASKAN KEPADA FAKTOR-FAKTOR TERSEBUT, KITA TIDAK DAPAT ELAK DARIPADA MEMBANGUNKAN SEMUA SUMBER MANUSIA YANG SEDIA ADA MELALUI LATIHAN SEMULA DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN STAF SECARA BERTERUSAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI PRODUKTIVITI DAN BERDAYA SAING DI PERINGKAT DUNIA.

WARGA PBPI YANG DIRAHMATI

DALAM MENCAPAI MATLAMAT SESEBUAH ORGANISASI, SETIAP STAF PERLU PROAKTIF MENJADIKAN DIRINYA PEMIMPIN KE ATAS DIRINYA SENDIRI. BAHKAN SETIAP STAF PBPI SEBENARNYA MEMPUNYAI POTENSI MENJADI PEMIMPIN UNTUK MASA AKAN DATANG. HAKIKATNYA ASPEK KEPIMPINAN MEMAINKAN PERANAN YANG SANGAT PENTING DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN SESEBUAH ORGANISASI. TERDAPAT SATU TEORI DIPERKENALKAN OLEH ROBERT HOUSE IAITU TEORI KEPIMPINAN LALUAN MATLAMAT (PATH, GOAL, THEORY) YANG BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI PANDUAN MENJADI PEMIMPIN YANG MAMPU MEMOTIVASIKAN STAF YANG LAIN ATAU PELAJAR WARGA UTeM SENDIRI OLEH STAF AKADEMIK PBPI SELAKU PENSYARAH UNTUK MENJADI MODEL TINGKAH LAKU KEPADA PELAJAR UTeM.

TEORI INI MENGGARISKAN TENTANG EMPAT GAYA KEPIMPINAN YANG BOLEH DIMANFAATKAN UNTUK MEMOTIVASIKAN STAF ATAU PELAJAR INSTITUSI INI IAITU :-

a) **PERTAMA : KEPIMPINAN BERORIENTASIKAN ARAHAN (DIRECTIVE LEADERSHIP)**

IA DIKAITKAN DENGAN GAYA MENYAMPAIKAN ATAU MEMBERI PENJELASAN KEPADA STAF ATAU PELAJAR. ARAHAN YANG BAIK HARUSLAH MENGANDUNGI ARAHAN, TUGAS, HARAPAN BERKAITAN TUGAS, MEMBERI KEUTAMAAN UNTUK KESEMPURNAAN TUGAS, PENETAPAN WAKTU PENYELESAIAN TUGAS DAN MEMPUNYAI GAMBARAN AWAL DAN KEFAHAMAN YANG JELAS.

b) **KEDUA : KEPIMPINAN BERORIENTASIKAN SOKONGAN (SUPPORTIVE LEADERSHIP)**

IA MERUJUK KEPADA TINGKAH LAKU MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA STAF ATAU PELAJAR DENGAN GAYA RAMAH MESRA DAN PRIHATIN. IA BERTUJUAN MEWUJUDKAN SUASANA YANG MENYENANGKAN SEMUA PIHAK. LAYANAN INI JUGA MESTILAH TANPA BERDASARKAN MOBILITY SOCIAL DAN TURUT MENGHORMATI STATUS KEDUDUKAN MEREKA. CARA INI AKAN MEMOTIVASIKAN MEREKA UNTUK MELAKUKAN TUGAS DENGAN RELA HATI.

c) **KETIGA : KEPIMPINAN BERORIENTASIKAN PENYERTAAN (PARTICIPATIVE LEADERSHIP)**

GAYA INI PULA MENGALU-ALUKAN PENYERTAAN STAF DAN PELAJAR DALAM BERKONGSI MENETAPKAN SESUATU

KEPUTUSAN. INI BERMAKNA MEMBERI RUANG UNTUK RUNDINGAN KEPADA MEREKA AGAR DAPAT MENYUMBANG IDEA SERTA PANDANGAN UNTUK KEBAIKAN ORGANISASI.

d) **KEEMPAT : KEPIMPINAN BERORIENTASIKAN PENCAPAIAN (ACHIEVEMENT-ORIENTED LEADERSHIP)**

CARA INI MEMBERIKAN CABARAN KEPADA STAF ATAU PELAJAR UNTUK MELAKSANAKAN TUGASAN PADA PERINGKAT TERTINGGI KEMAMPUAN MEREKA. LANGKAH INI SECARA TIDAK LANGSUNG MENYATAKAN KEYAKINAN KE ATAS KEMAMPUAN SESEORANG STAF ATAU PELAJAR BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK Mencari Peningkatan dan Pencapaian yang Berkesinambungan melalui Matlamat TUGASAN YANG DILAKSANAKAN.

#### **KESIMPULANNYA :**

- i) LALUAN PERTAMA YANG BERUNSURKAN ARAHAN (DIRECTIVE) AMAT BERGUNA JIKA SESUATU TUGASAN YANG DIHADAPI ADALAH KOMPLEKS.
- ii) SEKIRANYA TUGASAN BERSIFAT KURANG MENDESAK GAYA PENYERTAAN (PARTICIPATIVE) BOLEH DIGUNAKAN.
- iii) SEKIRANYA SESEORANG STAF ATAU PELAJAR INGINKAN KECEKAPAN BERGANDA MAKA GAYA BERORIENTASIKAN PENCAPAIAN BOLEH DIGUNAKAN.
- iv) SEKIRANYA DIPERLUKAN KAWALAN KE ATAS SESEORANG STAF ATAU PELAJAR, MAKA GAYA BERASASKAN PENYERTAAN (PARTICIPATIVE) BOLEH JUGA DIGUNAKAN.

**KEBAIKAN TEORI INI** IALAH IA TIDAK MENGONGKONG MANA-MANA STAF ATAU PENSYARAH UNTUK MENGGUNAKAN MANA-MANA GAYA KEMIMPINAN YANG ADA SEBALIKNYA TERBUKA KEPADA PENGGUNAAN PELBAGAI GAYA MENGIKUT KESESUAIAN SITUASI. PENUMPUAN YANG DIBERIKAN IALAH PEMBERIAN MOTIVASI AGAR LEBIH BERSEMANGAT UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA.

#### **AKHIR KATA**

AKHIR KATA, SAYA MENYERU KEPADA WARGA PBPI UNTUK MEMPERLENGKAPKAN SETIAP JABATAN ATAU BAHAGIAN MASING-MASING DENGAN PENGETAHUAN MENGENAI GAYA KEPIMPINAN AGAR PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF DAPAT DIWUJUDKAN. PENCAPAIAN DALAM TUGASAN SESEBUAH ORGANISASI JUGA AKAN LEBIH MENINGKAT DENGAN PEMANTAUAN SERTA KEPERIHATINAN PARA PEMIMPIN, STAF-STAF DAN



SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM SESEBUAH ORGANISASI.

SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KERANA MENJEMPUT SAYA PADA MAJLIS MALAM INI DAN KERJASAMA YANG DIBERIKAN OLEH SEMUA PIHAK SAYA DAHULUI DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH.

SEKIAN WASSALAM.